



Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “ MUSIBAH BANJIR: UJIAN DAN PERINGATAN ILAHI ”

31 Disember 2021 / 26 Jamadil Awal 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَظِيمِ الْقَادِرِ، الْفَعَالِ لِمَا يُرِيدُ، الَّذِي خَلَقَ فَقَدَّرَ، وَدَبَّرَ فَيَسَّرَ، فَكُلُّ عَبْدٍ إِلَى مَا قَدَّرَهُ عَلَيْهِ وَقَضَاهُ صَائِرٌ، لَا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُونَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الَّذِي حَذَرَ أُمَّتَهُ عِظَمَ عُقُوبَاتِ الذُّنُوبِ، وَبَيَّنَّ كِبَرَ أَجُورِ اخْتِسَابِ الْبَلَاءِ وَالْمُصَابِ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup>، وَعَلَى آلِ بَيْتِهِ وَأَصْحَابِهِ وَأَتْبَاعِهِ، وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Firman Allah SWT dalam surah At-Taghabun, ayat 11:

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ اللَّهُ قَلْبَهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ<sup>4</sup>

Maksudnya: Tidak ada suatu musibah pun yang menimpa seseorang kecuali dengan izin Allah; dan barang siapa yang beriman kepada Allah nescaya Dia akan memberi petunjuk kepada hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan Nya; mudah-mudahan kehidupan kita diberkati oleh Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk:

## “MUSIBAH BANJIR: UJIAN DAN PERINGATAN ILAHI”

Negara kita serta warganya sedang diuji dengan musibah yang silih berganti. Belum pun reda menghadapi penularan wabak COVID-19, kini bencana banjir telah melanda beberapa kawasan di negara kita. Perkataan musibah berasal daripada bahasa Arab; ‘asoba’ (أَصَابَ)،

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa

<sup>4</sup> Ayat Al-Quran



bermaksud menimpa atau membinasakan. Musibah, menurut al-Quran ialah bentuk ujian dan teguran dari Allah SWT, berlaku melalui bencana, kemarau, banjir, ribut, tanah runtuh, kehilangan harta dan pelbagai lagi. Islam mentakrifkan musibah sebagai satu bentuk ujian yang ditimpakan kepada manusia agar manusia menginsafi kewujudan Allah SWT; bermakna musibah secara hakikatnya ialah ujian dan teguran Ilahi agar melahirkan keinsafan untuk mengembalikan manusia mengenali kebesaran Allah Yang Maha Berkuasa.

### Sidang Jumaat yang dihormati,

Orang beriman dianugerahi dengan dua sifat mahmudah yang senada dengan fitrah keimanannya, iaitu syukur dan sabar. Baginda Nabi SAW bersabda:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ؛ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ. إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ،  
شَكَرَ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ. وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ، صَبَرَ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ.

Maksudnya: Sungguh ajaib urusan orang Mukmin. Sesungguhnya setiap urusan baginya ada kebaikan, dan perkara ini tidak berlaku melainkan kepada orang Mukmin. Sekiranya dia diberi dengan sesuatu yang menggembirakan, lalu dia bersyukur, maka kebaikan baginya, dan apabila dia ditimpa kesusahan lalu dia bersabar, maka kebaikan baginya.

(Riwayat Muslim 2999)

Saudara-saudara kita telah diuji dengan musibah banjir. Mereka kehilangan rumah, harta benda, sumber pendapatan, tanaman dan ternakan, malah ada yang kehilangan nyawa serta ahli keluarga yang dikasihi. Semoga mereka yang sedang menghadapi pahit getir ujian banjir, dikurniakan kesabaran, ketabahan, kegigihan dan kekuatan melalui detik-detik ujian yang berat ini.

Melalui media, terutama saluran media sosial, kita dapat mengikuti pengalaman dahsyat dan ngeri yang dialami oleh mangsa-mangsa banjir. Rintihan dan tangisan kesengsaraan mangsa-mangsa banjir, terutama, orang-orang tua, kanak-kanak, wanita hamil dan ibu yang sedang mendakap bayi yang memerlukan susu, yang berada dalam kesejukan di atas bumbung-bumbung bangunan, sangat menyayat hati. Mangsa-mangsa banjir ini, amat wajib dihulurkan pertolongan. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ، يَسِّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

Maksudnya: Barangsiapa memudahkan orang yang dalam kesulitan, Allah memudahkannya di dunia dan di akhirat.

(Riwayat Ibnu Majah 2417)



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke-219, bertarikh 31 Disember 2019, telah memperakukan ketetapan bahawa mereka yang ditimpa musibah, boleh dibantu menerusi Skim Bantuan Bencana, di bawah asnaf *Fi-Sabilillah*. Selaras dengan ketetapan ini, masyarakat Islam diberikan ruang yang selaras dengan seruan agama, untuk bersama mengambil tanggungjawab membantu mereka yang ditimpa musibah.

Musibah banjir, bukan sahaja merupakan ujian Allah SWT kepada hamba-hamba Nya yang dilanda banjir. Malah Allah juga sedang menguji kalangan kita yang berada dalam kesenangan. Sewajibnya, kita yang terselamat daripada musibah banjir, menzahirkan rasa syukur yang setinggi-tingginya, dengan bertekad untuk membantu mereka yang sedang berada dalam kesusahan, melalui amalan dan tindakan berikut:

**Pertama;** Menginsafi kekerdilan diri bahawa musibah merupakan ujian dan peringatan Ilahi yang boleh menimpa sesiapa sahaja.

**Kedua;** Memohon doa agar Allah SWT menggantikan apa juga kehilangan yang dialami oleh mangsa-mangsa banjir, akan digantikan dengan gantian yang lebih baik.

**Ketiga;** Menzahirkan simpati dengan kata-kata yang dapat menenangkan hati mereka dan menggerakkan tindakan yang dapat meringankan beban tanggungan mereka.

**Keempat;** Membantu mereka dengan menghulurkan bantuan semampu mungkin, baik dalam bentuk perkhidmatan, tenaga, kewangan, makanan, ubat, peralatan rumah dan sebagainya. Insaflah! Ramai kita yang memiliki pakaian dalam almari yang lebih cukup daripada keperluan harian, begitu juga peralatan-peralatan seperti selimut, bantal, tilam, periuk dan kuali, pinggan mangkuk, senduk dan sudu, dan pelbagai barangan rumah yang boleh kita hulurkan kepada mereka yang sangat memerlukan.

**Kelima;** Mencerminkan nilai-nilai Islam berteraskan sifat-sifat insaniah sejagat, dengan menghulurkan bantuan kepada semua pihak yang memerlukan tanpa mengira agama, bangsa, kedudukan dan ideologi politik.

### **Sidang Jumaat yang budiman,**

Masjid dan surau di seluruh Negeri Perak telah menubuhkan Tabung Bencana Dan Kemanusiaan. Bermula solat Jumaat pada 24 Disember, tabung telah berjaya mengumpul sumbangan mencecah **306,000.00 ringgit**. Semoga para jemaah akan terus bersedekah, berwakaf, berinfak dan berzakat, malah melipat gandakan sumbangan untuk membantu saudara-saudara kita yang telah ditimpa musibah.

Mimbar mengucapkan terima kasih atas pengorbanan dan kesediaan sebahagian daripada kita, turun padang membantu mangsa banjir. Begitu juga kepada mereka yang



telah memberi pelbagai sumbangan berbentuk idea, perkhidmatan, tenaga, harta, wang ringgit serta sokongan moral. Mimbar menasihatkan, huluskan bantuan dan pertolongan dengan hati yang ikhlas dan niat yang suci semata-mata kerana Allah SWT. Hindari perbuatan menunjuk-nunjuk, melakonkan perbuatan untuk dirakamkan oleh juru foto, dengan niat mendapat siaran media atau hasrat mendapat pujian, hingga mengakibatkan kita bakal tergelincir bersifat riak. Sedarilah Allah SWT Maha Mengetahui dan Maha Melihat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

#### Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>5</sup> رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْكَرِيمِ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>6</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>7</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

#### Muslimin yang dirahmati Allah,

Pada awal khutbah, mimbar turut memperingatkan bahawa di samping ujian, musibah merupakan cara Allah SWT menyampaikan teguran. Firman Allah dalam surah Ar-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya: Telah jelas kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia; Allah menghendaki agar mereka merasakan sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).

Semoga musibah banjir yang sedang melanda di beberapa kawasan di negara kita, turut ditafsirkan sebagai teguran daripada Ilahi, untuk kita secara ikhlas, melakukan pemeriksaan diri, dan berani mengaku kesilapan-kesilapan yang mungkin telah kita lakukan, atau kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan oleh orang-orang yang terdahulu daripada kita,

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa



ketika diamanahkan tanggungjawab untuk mengurus bumi, gunung, hutan, sungai, tasik dan pantai. Lakukanlah langkah-langkah pembetulan agar orang-orang yang tidak berdosa, terhindar daripada menjadi mangsa kepada bencana yang lebih besar pada masa akan datang.

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabi'in, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>8</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ<sup>9</sup> وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ  
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنَّا بَلَدِنَا هَذَا  
خَاصَّةً وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

**Ya Allah**, kurniai petunjuk dan bimbingan Mu, agar para pemimpin dan para petugas yang diamanahkan dengan tanggungjawab mengurus bumi dan sumber-sumber alam milik Mu ini, dijauhi daripada melakukan kerosakan atau bersubahat untuk melakukan kerosakan yang boleh mengancam keharmonian alam dan kehidupan masa hadapan ummah.

**Ya Allah**, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Allah**, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat; jauhilah kami dari seksa azab api neraka.

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk kaum muslimin



**Ya Allah**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكْرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

TEKS PENGUMUMAN SEBELUM KHUTBAH JUMAAT 31.12.2021

**SUMBANGAN KHAS BENCANA BANJIR**

Assalamualaikum WBT.

Para jemaah yang dirahmati Allah SWT,

Pada hari ini, Jabatan Agama Islam Perak bersama masjid-masjid seluruh Negeri Perak sekali lagi akan mengadakan kutipan sumbangan kepada mangsa bencana banjir seluruh Negara melalui Tabung Bencana Dan Kemanusiaan Masjid Negeri Perak. Sehubungan itu, tabung khas yang diletak dan diedarkan pada hari ini akan disumbangkan ke dalam Tabung Bencana Dan Kemanusiaan tersebut. Semoga dengan sumbangan para jemaah pada hari ini akan dapat membantu meringankan bebanan mangsa banjir di seluruh Negara serta mendapat ganjaran yang besar daripada Allah SWT. Sumbangan ini akan disalurkan ke dalam **Tabung Bencana Dan Kemanusiaan Masjid Negeri Perak** melalui nombor akaun Bank Islam:

**080-1301-009-1983**

Sekian, Wassalamualaikum WBT.